

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
02 OGOS 2018**

PERKARA : 4(B)(X)29

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TAMBUN
YB. GOH CHOON AIK**

29. Caruman pamaritan di MPSP telah dinaikkan daripada 10 ribu kepada 50 ribu seekar,
- (a) Apakah rasionalnya?
 - (b) Adakah kadar caruman boleh dikaji semula bagi permohonan di bawah pemutihan kilang, penternakan tertutup dan pelancongan?
 - (c) Adakah caruman ini boleh diguna untuk menaik taraf longkang-longkang lama yang kehilangan gradian?

**YB. JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

29. (a) Caruman pamaritan di Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) telah dinaikkan daripada RM10 ribu kepada RM50 ribu per ekar selepas mengambil kira faktor-faktor seperti berikut :
- (i) Kos bagi pembinaan sistem pamaritan yang telah meningkat.
 - (ii) Kos yang tinggi bagi penyelesaian masalah banjir.
 - (iii) Kos pengambilan tanah yang tinggi bagi tujuan pembinaan parit.

- (b) Mesyuarat Jawatankuasa Tebatan Banjir Bil 3/2018 pada 28 Jun 2018 telah memutuskan supaya Jabatan Pengairan Dan Saliran (JPS) menyelaras semula Garis Panduan berhubung bayaran caruman pamaritan bagi kawasan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP). Penyelarasan garis panduan ini turut mengambil kira kadar caruman pamaritan bagi pemohonan kilang, penternakan tertutup dan pelancongan.
- (c) Wang caruman ini boleh digunakan untuk menaik taraf longkang-longkang lama yang kehilangan gradian.